



FIRST HORIZONS

Bantu anak anda mencapai imaginasi mereka sejauh mungkin dengan Takaful First Horizons.



Hong Leong MSIG Takaful Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

SETIAP IMPIAN, MEMERLUKAN KEPERCAYAAN SESEORANG.

Takaful First Horizons. Ia lebih daripada sekadar pelan, ia adalah satu janji. Satu peluang untuk setiap ibu bapa melihat potensi dalam anak-anak mereka jauh sebelum mereka sendiri sedar. Ia tentang mempercayai mereka, menyokong mereka dan memberikan segala yang diperlukan untuk memulakan apa jua yang mereka pilih untuk lakukan. Daripada pendidikan, memulakan perniagaan, hingga perjalanan mereka membina kekayaan. Takaful First Horizons memberikan permulaan yang sentiasa anda impikan.



GANJARAN HORIZON MERINTIS JALAN KE SETIAP HORIZON BARU.

Setiap pencapaian dalam kehidupan anak anda seharusnya mempunyai perancangan yang betul. Takaful First Horizons menyediakan sokongan kewangan tepat pada setiap fasa penting kehidupan mereka daripada hobi dan pendidikan hinggalah impian terbesar mereka.

KOMPAS GANJARAN HORIZONS.

GANJARAN TAHUN KE-5

Membantu mereka melangkah ke peringkat pendidikan seterusnya.*

*Bayaran Pencapaian sebanyak 25% daripada Sumbangan Tahunan Asas pada Tahun Ke-5 Sijil.



GANJARAN TAHUNAN

Bayangkan dapat menyokong minat dan hobi kegemaran mereka setiap tahun.*

*Bayaran Tahunan sebanyak 5% daripada Sumbangan Tahunan Asas pada akhir setiap Tahun Sijil.

GANJARAN TAHUN KE-10

Dunia mereka semakin luas melangkaui bilik darjah. Ganjaran ini membantu menyokong cita-cita dan impian mereka.*

*Bayaran Pencapaian sebanyak 50% daripada Sumbangan Tahunan Asas pada akhir Tahun Ke-10 Sijil.



GANJARAN TEKNOLOGI

(Manfaat Ganjaran Peranti)
Takaful First Horizons membantu menyediakan mereka untuk masa depan dengan manfaat sehingga RM2,000 bagi peranti digital.



GANJARAN KECEMERLANGAN PENDIDIKAN

Raikan kecemerlangan akademik mereka dengan ganjaran sehingga RM2,000.

AKHIRNYA, KEMATANGAN

Hadiah terbesar anda kepada mereka. Permulaan untuk melangkah ke fasa seterusnya. Memiliki rumah, membina keluarga atau merealisasikan impian keusahawanan mereka.

*Manfaat Kematangan bersamaan dengan 125% daripada Sumbangan Tahunan Asas yang telah dibayar, bersama dengan baki Manfaat Kematangan dalam nilai akaun daripada Akaun Peserta (PA). Jika anda memilih untuk melabur semula pembayaran anda, sebarang nilai terkumpul dalam Akaun Pelaburan Peserta (PIA) akan dibayar.



MELINDUNGI SETIAP HORIZON.

MELINDUNGI KETIDAKPASTIAN DALAM KEHIDUPAN.

MANFAAT KEMATIAN DAN TPD

Sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD), manfaat akan dibayar seperti berikut:

Semasa Tahun Pertama dan Kedua Sijil

Yang mana lebih tinggi:

- **100%** daripada Jumlah Sumbangan Asas Dibayar (tolak sebarang pembayaran terdahulu), atau
- Nilai Akaun daripada Akaun Peserta (PA).

Nota: Punca daripada kes bukan kemalangan sahaja.

Bermula dari Tahun Ketiga Sijil dan seterusnya

Yang mana lebih tinggi:

- **110%** daripada Jumlah Sumbangan Asas Dibayar (tolak jumlah pembayaran terdahulu), atau
- Nilai Akaun daripada Akaun Peserta (PA).

Jika anda memilih untuk melaburkan semula pembayaran anda, sebarang nilai terkumpul dalam Akaun Pelaburan Peserta (PIA) akan dibayar sebagai tambahan kepada manfaat Kematian atau TPD.

PERLINDUNGAN DIPERTINGKAT SEKIRANYA BERLAKU KEMALANGAN

Sekiranya berlaku Kematian atau TPD berpunca daripada kemalangan, manfaat tambahan Kematian atau TPD akibat Kemalangan akan dibayar seperti berikut:

Kemalangan di Malaysia

+ 100%
daripada Jumlah Sumbangan
Asas Dibayar

akan dibayar sekiranya
kemalangan berlaku
di Malaysia.

Kemalangan Di Luar Negara

+ 200%
daripada Jumlah Sumbangan
Asas Dibayar

akan dibayar sekiranya kemalangan
berlaku ketika berada di luar
Malaysia dalam perjalanan
sehingga 90 hari.

KEKAL DILINDUNGI, TANPA KERUMITAN

Nikmati **penyertaan mudah** dengan had Jumlah Sumbangan Tahunan Asas sehingga RM1.5 juta, tertakluk kepada umur kemasukan, kriteria kelayakan dan terma dan syarat lain.

Nota:

1. Jumlah Sumbangan Asas mengecualikan sebarang sumbangan tambahan, sumbangan rider dan amaun sumbangan bukan asas yang lain, yang mana terpakai.
2. Hanya satu manfaat kemalangan tambahan dibenarkan setiap seorang. Had untuk dewasa adalah RM3.5 juta dan juvenil adalah sebanyak RM2 juta setiap hayat.
3. Manfaat TPD adalah tertakluk kepada had agregat maksimum RM8 juta setiap hayat merentasi semua manfaat TPD.
4. Perlindungan TPD akan dibayar apabila berlakunya TPD sebelum Tarikh Ulang Tahun Sijil sejeurus selepas ulang tahun ke-70 Orang yang Dilindungi, tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Takaful.

PERJALANAN MERENTASI SETIAP HORIZON.

Fikri memilih **Takaful First Horizons** untuk anak lelakinya, Imran (6 tahun), demi menyokong pendidikan, minat, serta impian yang mencorak masa depannya.

Fikri (Ayah), Umur 40
Imran (Anak), Umur 6

Bayar selama 3 tahun, nikmati
15 Tahun Perlindungan
untuk Kematian, TPD dan
Kemalangan

Sumbangan Tahunan Asas:
RM200,000

RM10,000 Bayaran Tahunan pada akhir setiap Tahun Sijil yang boleh menyokong minatnya seperti bermain piano dan berenang. Untuk membina keyakinan dan kemahiran baru.

Bayaran Tahunan RM10,000 pada akhir setiap Tahun Sijil boleh mengimbangi yuran pengajian atau aktiviti pengayaan untuk perkembangan berterusannya.

Bayaran Tahunan RM10,000 pada akhir setiap Tahun Sijil boleh menyokong perbelanjaan sara hidup sambil beliau menumpukan perhatian untuk mencapai matlamat akademiknya.

Tahun

1

2

3

4

5

Umur 11

6

7

8

9

10

Umur 16

11

12

13

14

15

Umur 21



Bonus Teknologi (Ganjaran Peranti)

Fikri membelikan Imran sebuah tablet untuk perjalanan pembelajarannya. Fikri boleh menuntut bayaran balik sehingga RM2,000.



Ganjaran Tahun ke 5 – Pas Pintu Sekolah Menengah

RM50,000 Bayaran Pencapaian pada akhir Tahun ke-5 Sijil boleh menyokong kemasukan Imran ke sekolah antarabangsa.



Ganjaran Tahun ke 10 – Pasport untuk Belajar di Luar Negara

RM100,000 Bayaran Pencapaian pada akhir tahun ke-10 Sijil yang akan menyokong cita-citanya untuk melanjutkan pelajaran dan peluang ke luar negara.



Ganjaran Kecemerlangan Pendidikan

Pembayaran RM2,000 untuk meraikan pencapaian Imran mendapat Keputusan A dalam peperiksaan A-Level beliau.



Akhirnya, Kematangan – Dana Landasan Pelancaran

RM250,000 Ganjaran Kematangan termasuk Manfaat Kematangan* membolehkan Fikri menghadiahkan Imran permulaan hidup yang bermakna – sama ada memulakan perniagaan, bayaran muka untuk rumah pertamanya, atau sokongan untuk peringkat seterusnya dalam kehidupannya.

** Manfaat Kematangan adalah bersamaan dengan baki dalam nilai akaun dalam PA.*

Senario Tinggi - RM307,141.29

Senario Rendah - RM 94,977.49

Nota: Nilai PA adalah berdasarkan prestasi pelaburan sebenar dan pulangan adalah tidak dijamin.

DANA TAKAFUL DI BAWAH PELAN ANDA

1. Akaun Peserta (PA)

Sumbangan yang telah dibayar, selepas ditolak Yuran Wakalah, akan dikreditkan ke dalam PA. PA akan diuruskan dan dilaburkan oleh Pengendali Takaful berdasarkan kontrak Wakalah Bi-Al Istithmar. Nilai PA adalah berdasarkan prestasi pelaburan sebenar dan pulangan tidak dijamin. Pengendali Takaful berhak mendapat yuran insentif (Ju'alah) sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada pulangan pelaburan yang dijana daripada PA untuk pengurusan dana yang berkesan.

PA akan digunakan untuk membayar Bayaran Tahunan, Bayaran Pencapaian, Ganjaran Kematangan dan Ganjaran Kecemerlangan (Manfaat Ganjaran Kecemerlangan Pendidikan dan Manfaat Ganjaran Peranti), tertakluk kepada ketersediaan baki dalam PA. Sekiranya baki dalam PA tidak mencukupi untuk memenuhi pembayaran tersebut sepenuhnya, jumlah baki yang ada dalam PA akan dibayar dan sebarang kekurangan akan dibiayai oleh PRF.

2. Dana Risiko Peserta (PRF)

Setiap bulan, Tabarru' yang telah ditentukan akan ditolak daripada PA ke dalam PRF berdasarkan prinsip Iltizam Bi Al-Tabarru' untuk menyediakan perlindungan Takaful di bawah pelan ini. Manfaat Takaful yang dibayar daripada PRF adalah dijamin. Sebarang lebihan yang timbul daripada PRF akan diagihkan dalam nisbah 50:50 antara Peserta yang layak dan Pengendali Takaful berdasarkan prinsip Ju'alah. Bahagian lebihan Peserta akan dikreditkan ke dalam PA.

3. Akaun Pelaburan Peserta (PIA)

Jika Peserta memilih untuk melabur semula Pembayaran Tahunan dan Pembayaran Pencapaian, seratus peratus (100%) daripada pembayaran akan dikreditkan ke dalam PIA dan akan ditukar kepada unit Dana Berkaitan Pelaburan pilihan Peserta. Unit yang diperuntukkan akan diurus dan dilaburkan oleh Pengendali Takaful berdasarkan kontrak Wakalah Bi Al-Istithmar. Keuntungan pelaburan yang terhasil daripada PIA tidak dijamin oleh Pengendali Takaful dan akan berdasarkan prestasi dana sebenar.

Nota:

1. *Wakalah Bi-Al Istithmar bermaksud kontrak antara anda dan kami di mana anda menyediakan sumbangan yang akan diuruskan oleh kami untuk tujuan pelaburan. Sekiranya berlaku kerugian pelaburan, kerugian tersebut akan ditanggung oleh anda dengan syarat kerugian tersebut bukan disebabkan oleh salah laku (ta'addi), kecuaihan (taqsir) atau pelanggaran terma-terma tertentu (mukhalafah al-shurut) kami.*
2. *Iltizam Bi Al-Tabarru' bermaksud komitmen untuk melakukan Tabarru'.*
3. *Ju'alah bermaksud perjanjian di mana Peserta bersetuju untuk memberi ganjaran kepada Pengendali Takaful atas pencapaian atau prestasi baiknya dalam menguruskan PRF yang membawa kepada lebihan dana. Sementara itu, di bawah konteks dana PA, Pengendali Takaful akan diberi ganjaran dengan yuran insentif untuk pengurusan dana yang berkesan.*
4. *Tabarru' bermaksud derma daripada sebahagian PA, yang diperuntukkan kepada PRF. Ini adalah berdasarkan konsep Iltizam Bi Al-Tabarru', yang menggambarkan komitmen Peserta untuk membuat sumbangan.*

SOALAN LAZIM

Apakah maksud Takaful?

Istilah 'Takaful' merujuk kepada skim berdasarkan persaudaraan, perpaduan dan saling membantu yang menyediakan bantuan dan pertolongan kewangan kepada Peserta-peserta sekiranya diperlukan di mana Peserta-peserta bersetuju untuk menyumbang bagi tujuan tersebut. Setiap Peserta bersetuju untuk menyumbang berdasarkan Tabarru' (derma) yang disatukan untuk memberi manfaat semasa berlakunya kejadian tidak diingini yang dialami oleh mana-mana Peserta.

Apakah umur kemasukan minimum dan maksimum bagi pelan ini?

Umur kemasukan minimum dan maksimum (berdasarkan umur pada hari lahir berikutnya) adalah seperti berikut:

- Minimum: 30 hari
- Maksimum: 17 tahun

Apakah Sumbangan Tahunan Asas maksimum dan minimum di bawah pelan ini?

- Minimum: RM20,000
- Maksimum: RM1,500,000

Apakah tempoh sumbangan dan tempoh perlindungan untuk pelan ini?

- Tempoh Sumbangan: 3 Tahun
- Tempoh Perlindungan: 15 Tahun

Apakah pilihan yg tersedia untuk pembayaran di bawah pelan ini?

Anda boleh memilih untuk:

- Tunaikan Pembayaran Tahunan dan Pembayaran Pencapaian Anda apabila perlu dibayar; atau
- Laburkan semula 100% daripada Pembayaran Tahunan dan Pembayaran Pencapaian ke dalam Dana Berkaitan Pelaburan.

Untuk pilihan pelaburan, anda boleh memilih daripada dana berkaitan pelaburan berikut:

- | | |
|------------------------|--------------------------------|
| • Dana HLMT i-Income | • Dana HLMT Makmur |
| • Dana HLMT i-Balanced | • Dana HLMT Maa'rof |
| • Dana HLMT i-Equity | • Dana HLMT Global Shariah ESG |

Pilihan pembayaran yang dipilih pada permulaan adalah tetap dan tidak boleh diubah selepas itu. Sila pilih pilihan anda dengan teliti yang memenuhi keperluan anda.

Bagaimanakah manfaat Ganjaran Kecemerlangan Pendidikan dan Bonus Teknologi berfungsi?

Anda akan menerima manfaat berikut:

Manfaat	Amaun (RM)	Syarat-syarat
Ganjaran Kecemerlangan Pendidikan	Bersamaan dengan 1% daripada Sumbangan Tahunan Asas dibayar, dihad pada RM2,000 setiap sijil.	• SPM/STPM atau peperiksaan antarabangsa yang setara (iaitu IGCSE, O-level, A-Level, International Baccalaureate (IB), Peringkat Diploma atau peperiksaan setaraf seperti yang ditentukan oleh kami). • Sekurang-kurangnya 80% gred 'A' daripada jumlah subjek yang diambil dalam satu sesi peperiksaan. • Hanya 1 tuntutan dibenarkan di bawah manfaat ini bagi setiap sijil dan hanya boleh dituntut selepas sijil tersebut berkuat kuasa selama satu (1) tahun dari Tarikh Permulaan Sijil.
Ganjaran Teknologi (Ganjaran Peranti)	Bersamaan dengan 1% daripada Sumbangan Tahunan Asas dibayar, dihad pada RM2,000 setiap sijil.	• Bayaran balik adalah terhad kepada 1 tuntutan bagi manfaat ini. • Tuntutan mestilah disokong dengan resit asal yang memaparkan nama Peserta atau Orang Dilindungi dan bukti pembelian yang sah oleh Peserta atau Orang Dilindungi. • Manfaat ini hanya boleh dituntut selepas sijil tersebut berkuat kuasa selama satu (1) tahun dari Tarikh Permulaan Sijil. • 'Peranti' yang layak merujuk kepada peranti elektronik pengkomputeran atau komunikasi mudah alih atau tidak mudah alih yang direka khusus untuk kegunaan pendidikan atau peribadi, termasuk komputer riba, komputer peribadi, komputer meja, tablet dan telefon mudah alih. Aksesori, perisian, waranti, langganan dan peranti persisian adalah dikecualikan.

Apakah rider pilihan yang boleh dilampirkan pada pelan asas ini?

Anda boleh memilih untuk melengkapi pelan anda dengan rider berikut (tertakluk kepada sumbangan tambahan):

Rider	Penerangan Ringkas	Syarat Pengunderaitan
Rider Term Payor	Rider pembayaran sumbangan yang menyediakan perlindungan tambahan kepada Peserta sekiranya Peserta meninggal dunia atau mengalami TPD.	Penyertaan Mudah sehingga RM500,000 Jumlah Perlindungan

Nota: Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Manfaat atau berbincang dengan penasihat.

Apakah yuran & caj yang perlu saya ketahui?

• Yuran Wakalah

Yuran Wakalah adalah yuran pentadbiran kami yang ditolak daripada sumbangan untuk membayar perbelanjaan pengurusan dan kos pengedaran langsung, termasuk komisen. Peratusan Yuran Wakalah berbeza mengikut tahun sijil seperti yang ditunjukkan di bawah:

Pelan Asas:

Tempoh Sumbangan	Tahun Sijil		
	1	2	3
3 tahun	13.00%	7.00%	6.00%

Rider (jika berkenaan)

Peratusan Sumbangan Rider Term Payor ditolak untuk Yuran Wakalah:

Tempoh Sumbangan	Tahun Sijil	Umur Kemasukan			
		18 - 40	41 - 50	51 - 58	59 - 70
3 tahun	1	65%	55%	50%	40%
	2	45%	40%	28%	22%
	3	40%	27%	16%	13%

• Tabarru'

Tabarru' adalah bahagian daripada sumbangan yang dibayar yang akan diambil daripada PA dan diperuntukkan ke dalam PRF. Tabarru' akan digunakan untuk bantuan bersama di kalangan para Peserta. Amaun Tabarru' bergantung kepada jumlah perlindungan, umur, jantina, kelas pekerjaan dan keadaan kesihatan Orang Dilindungi. Kadar Tabarru' adalah tidak dijamin.

• Yuran Serahan

Pelan Asas:

Yuran Serahan seperti yang ditunjukkan di bawah akan ditolak daripada Nilai PA:

Tempoh Sumbangan	Tahun Sijil		
	1	2	3
3 tahun	17.00%	4.00%	4.00%

Yuran tambahan dikenakan sekiranya 'Pilihan Pelaburan Semula' dipilih untuk mengumpul manfaat pembayaran:

- **Yuran Pentadbiran Bulanan**

RM8.00 akan ditolak daripada PIA setiap bulan. Yuran ini bertujuan untuk perkhidmatan dan penyelenggaraan yang berkaitan dengan sijil anda.

- **Yuran Pengeluaran Separa**

Tiada yuran tambahan akan ditolak daripada Nilai Akaun dalam PIA yang dikeluarkan, tertakluk kepada jumlah pengeluaran minimum RM500 dan Nilai Akaun minimum RM1,000 selepas pengeluaran.

- **Caj Pengurusan Dana**

Caj seperti yang ditunjukkan di bawah akan dikenakan bagi tujuan menguruskan dana bagi pihak peserta.

Jenis Dana	Caj Pengurusan Dana (sebagai % daripada nilai dana pelaburan)
Dana HLMT i-Income	1.00% setahun
Dana HLMT i-Balanced	1.25% setahun
Dana HLMT i-Equity	1.50% setahun
Dana HLMT Makmur	1.50% setahun
Dana HLMT Maa'rof	1.50% setahun
Dana HLMT Global Shariah ESG	1.50% setahun

- **Yuran Pertukaran Dana**

Tiada bayaran tambahan akan dikenakan apabila anda menukar dana pelaburan semasa anda kepada jenis dana yang lain.

Apakah pilihan mod dan cara pembayaran sumbangan?

Anda boleh membayar sumbangan anda secara tahunan melalui kad kredit atau debit, debit auto, debit terus, arahan tetap atau pembayaran e-Dompet.

Bolehkah saya mengetahui dengan lebih lanjut tentang Perkhidmatan Nilai Tambahan?

Apabila berlaku Kematian atau TPD, sejumlah amaun akan ditolak daripada manfaat Takaful yang akan dibayar di bawah sijil anda dan membayarnya kepada penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh kami. Butiran perkhidmatan yang boleh anda pilih adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

Perkhidmatan	Jumlah (RM)	Penerangan
Badal Haji	7,000*	Melaksanakan rukun Haji di Mekah bagi pihak pelanggan Muslim yang tidak dapat melaksanakan Haji dengan sendirinya disebabkan penyakit, usia tua atau kematian.
Korban	750*	Menjalankan ibadah Korban bagi pihak pelanggan Muslim semasa Aidil Adha termasuk pembelian dan penyembelihan binatang sembelihan seperti kambing, kambing biri-biri, lembu atau unta.
Wakaf	500	Pemberian sebahagian daripada harta secara sukarela, kekal dan tidak boleh diubah untuk tujuan keagamaan atau kebajikan.

* Tertakluk kepada harga pasaran semasa pada tahun perkhidmatan dijalankan.

Apakah pengecualian untuk Takaful First Horizons?

- Tiada Manfaat Kematian kecuali Nilai Akaun, jika ada, akan dibayar sekiranya Kematian disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh permulaan.
- Manfaat TPD tidak akan dibayar sekiranya TPD disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kecederaan diri yang disengajakan ketika waras atau tidak waras atau sebarang keadaan atau hilang upaya yang telah wujud sebelum atau pada tarikh permulaan.
- Manfaat Kematian/TPD Akibat Kemalangan tidak akan dibayar sekiranya Kematian/TPD akibat kemalangan disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kecederaan diri yang disengajakan ketika waras atau tidak waras, peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi, sebarang operasi ketenteraan, rusuhan dan kekacauan awam, mogok atau aktiviti keganasan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap Sila rujuk Sijil Takaful dan/atau Sijil Takaful Tambahan untuk senarai penuh pengecualian bagi pelan asas dan Rider yang dipilih.

Apakah yang berlaku jika saya menamatkan sijil saya lebih awal?

Anda boleh menyerahkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Baki di dalam PA dan PIA (jika "Pilihan Pelaburan Semula" dipilih) anda ditolak sebarang yuran serahan akan dibayar kepada anda. Walau bagaimanapun, anda dinasihati agar tidak memegang sijil ini untuk tempoh masa yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi. Anda akan kehilangan manfaat di bawah sijil anda dan amaun yang akan dibayar kepada anda mungkin kurang berbanding jumlah sumbangan yang telah anda bayar.

Adakah sumbangan yang dibayar untuk Takaful First Horizons layak untuk pelepasan cukai pendapatan?

Ya. Anda layak mendapat pelepasan cukai peribadi bagi sumbangan yang telah dibayar di bawah "Insurans Hayat/Takaful" sehingga RM3,000, tertakluk kepada Keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

NOTA PENTING

1. Risalah ini memberikan ringkasan tentang ciri-ciri utama pelan Takaful dan tidak membentuk satu sijil Takaful. Anda hendaklah membaca Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Manfaat untuk maklumat tambahan dan sijil Takaful untuk terma dan syarat lengkap di bawah pelan Takaful ini. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara risalah ini dengan Sijil Takaful, terma-terma dan syarat-syarat Sijil Takaful hendaklah diutamakan.
2. Anda harus berpuas hati bahawa pelan Takaful ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah pelan Takaful ini adalah dalam kemampuan anda.
3. Anda harus memberikan maklumat yang mencukupi dan tepat kepada kami supaya nasihat yang sesuai dan kesesuaian pelan Takaful untuk memenuhi keperluan dan keadaan anda boleh diberikan kepada anda.
4. Anda berhak untuk mengembalikan sijil Takaful dalam tempoh bertenang selama lima belas (15) hari daripada tarikh penyerahan sijil kepada anda. Sumbangan yang telah dibayar akan dikembalikan kepada anda.
5. Anda diberikan tempoh ihsan selama 30 hari daripada tarikh akhir pembayaran sumbangan. Kegagalan membayar sumbangan selepas tempoh ihsan ini boleh menyebabkan perlindungan anda ditamatkan lebih awal. Sila rujuk kepada sijil Takaful untuk maklumat lanjut.
6. Penyertaan dalam sijil Takaful Keluarga sumbangan berkala adalah satu komitmen jangka masa panjang. Adalah tidak digalakkan untuk memegang pelan Takaful ini untuk tempoh masa yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi.
7. Jika anda membatalkan sijil Takaful anda lebih awal, anda mungkin akan menerima amaun lebih rendah daripada amaun yang telah disumbangkan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Kakitangan Hong Leong Islamic Bank yang mesra hari ini!



Diunderait oleh:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad 200601018337 (738090-M)

Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat

Tingkat 11, Menara Raja Laut,

288, Jalan Raja Laut,

50350 Kuala Lumpur,

Wilayah Persekutuan

Tel: 03-7650 1800

Emel: ReachUs@takaful.hongleong.com.my

 www.hlmtakaful.com.my

 Hong Leong MSIG Takaful Berhad

 hlmtakaful